

Jawatankuasa khas ditubuh

B/H 22/7/12 MS 5.

» *Bela mangsa jenayah kekerasan, penculikan*

Oleh **Mohd Azrone Sarabatin**
azrone@bharian.com.my

▪ **Kuala Lumpur**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menubuhkan satu jawatankuasa khusus membela mangsa jenayah kekerasan serta penculikan, terutama membabitkan wanita dan kanak-kanak.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata jawatankuasa itu dianggotai Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dipilih mengikut kriteria ditetapkan.

Katanya, jenayah berkenaan membabitkan keganasan, rogol dan ragut bagi wanita serta penderaan, pemerdagangan dan penculikan kanak-kanak, selain isu kanak-kanak jalanan.

Beliau berkata, kerjasama itu akan dimuktamadkan melalui satu mesyuarat khas yang akan diumumkan pada minggu depan.

"Isu yang kita kenal pasti adalah kes culik kanak-kanak dan jenayah terhadap wanita di pusat beli-belah.

"Ia agenda penting untuk ki-

“*Ia agenda penting untuk menurunkan kadar jenayah seterusnya meredakan kebimbangan orang ramai*”

Hishammuddin Hussein,
Menteri
Dalam Negeri



Hishammuddin berbual bersama Mohmad (dua dari kiri) dan Amar Singh (dua dari kanan) ketika **melawat** IPD Dang Wangi, semalam. (FOTO EFFENDY RASHID/BH)

ta menurunkan kadar jenayah seterusnya meredakan kebimbangan orang ramai terhadap masalah jenayah ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memengerusikan mesyuarat mengenai penubuhan jawatankuasa itu bersama Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Salleh di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, NGO terbabit akan mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak termasuk Ketua Pengarah RELA, Datuk Mustafa Ibrahim; Ketua Pengarah Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), Puan Sri Zuraidah Mohamed dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Datuk Jariah Mohd Said

untuk membincangkan kerjasama berkenaan.

Katanya, keluarga Nayati Shamelin Moodliar, kanak-kanak warga Belanda berusia 12 tahun yang diculik di Sekolah Antarabangsa Mont Kiara, di sini, 27 April lalu turut dipelawa menganggotainya.

Mengenai pengesanan kanak-kanak jalanan, sama ada warga negara atau sebaliknya, Hishammuddin berkata, ia menggunakan kaedah ujian asid deoksiribonukleik (DNA) keluarga kanak-kanak terbabit.

Dalam pada itu, Hishammuddin menampelak Pengerusi DAP, Karpal Singh dan pemimpin parti itu, Lim Kit Siang dengan menyifatkan pemimpin pembangkang itu cuba membawa isu keselamatan ke kancha politik.

Katanya, ini berikutan tanggapan mereka bahawa pendedahan Risikan Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial

Bukit Aman mendapati elemen Jemaah Islamiah (JI) dan komunis cuba meresap ke dalam parti pembangkang di negara ini sebagai strategi untuk melemahkan Pakatan Rakyat.

Katanya, biarpun belum menerima maklumat mengenai perkara itu dari aspek keselamatan, bukannya politik dan tindakan belum diambil kerana ia tidak mengancam negara dan rakyat, namun pihaknya sentiasa memantau perkembangan kes itu.

"Dunia dah berubah, mungkin jika kes ini berlaku pada zaman mudanya (Karpal), ia suatu ancaman, namun pada masa sekarang ini landskap politik sudah berubah dan kita melihatnya dari aspek keselamatan negara dan rakyat.

"Saya rasa apa yang polis Kawangan Khas kata ia adalah satu fakta," katanya.